



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20  
24+



# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

## HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI KAWASAN PARLIMEN

P.069 PARIT

# **Ringkasan Eksekutif**

# **& Laporan Awal**

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.069 PARIT**

---

**Penyunting Siri**  
Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**  
Siti Noraiyah Rohim



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.069 PARIT (PERAK)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman	I
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III
<b>BAHAGIAN A</b>	
Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-9
<b>BAHAGIAN B</b>	
Laporan Pemetaan Isu	
1.0    Pengenalan	10
2.0    Pemetaan Isu	11-30
3.0    Pengutamaan Isu	31-35



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

**Nur Rahmah Othman**

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk *"Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024"*. Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkuuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

**Nurul Syaza Mazelan**

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

**Siti Nur Ain Zakinuddin**

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarluaskan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parliment juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parliment tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parliment, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parliment telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parliment bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parliment telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiyah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohamed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khlir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiyah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>Status Individu</b>	<b>Kaum Minoriti</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Pendidikan</b>
<b>Pertanian</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang / Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>
<b>Perikanan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>	
<b>Perdagangan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>	
<b>Perindustrian</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilik kilang</li> </ol>	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petugas/Penyelia PPDK</li> <li>2. Veteran ATM dan Polis</li> <li>3. Penghulu-Penghulu Mukim</li> <li>4. Pemimpin Tempatan</li> <li>5. Malim gunung</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Badan bukan kerajaan (NGO)</li> <li>2. Persatuan Sukarelawan</li> <li>3. Persatuan Penduduk</li> <li>4. Koperasi Komuniti</li> </ol>

## **PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

<b>ZON / WILAYAH</b>	<b>ISU UTAMA</b>
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gejala sosial</li><li>• Kurang kepelbagai peluang pekerjaan</li><li>• Kos sara hidup yang tinggi</li><li>• Keciciran Pendidikan</li><li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li><li>• Masalah banjir</li><li>• Pencemaran air dan udara</li></ul>

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li> <li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjanaan pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li> <li>• Penyeludupan barang di sempadan</li> <li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Konflik pemilikan tanah</li> <li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li> <li>• Konflik manusia – hidupan liar</li> </ul>

# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN  
LAWATAN PEMETAAN ISU  
P.069 PARIT (PERAK)**

A formal portrait of a man wearing a black traditional cap and a dark suit jacket over a white shirt and tie. He has a slight smile and is looking directly at the camera.

20 - 22 Januari 2024 (Sabtu - Isnin)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

- 1: Sesi Dialog bersama Penduduk & Peneroka FELCRA
- 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal
- 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga

### HARI 2

- 4: Sesi Dialog bersama Belia
- 5: Sesi Dialog bersama Warga Emas
- 6: Lawatan Tapak sekitar Pekan Parit
- 7: Lawatan Tapak ke Dataran Tanjung
- 8: Sesi Dialog bersama Wakil Komuniti India
- 9: Sesi Lawatan ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Bota Kanan

### HARI 3

- 10: Sesi Dialog bersama Golongan B40
- 11: Sesi Lawatan ke Kawasan Banjir
- 12: Sesi Dialog bersama Penternak dan Petani
- 13: Sesi Dialog bersama Komuniti OKU
- 14: Sesi Dialog bersama NGO

### PASUKAN PENYELIDIK



Siti Noraiyah Rohim  
(Ketua Penyelidik)



Zoel Ng



Yoogeswaran



Nur Fatehah

Dengan sokongan  
daripada  
**Ahli Parlimen Parit,  
YB Tuan Muhammad  
Ismi Bin Mat Taib**



## 15 Januari 2024

Mesyuarat awal dengan YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Ahli Parlimen Parit) untuk penyetempatan SDG pada tahun 2024. Pihak YB telah bersetuju untuk mengadakan pra-lawatan pada Januari 2024 dan lawatan tapak pada bulan Februari 2024.

## 28 Disember 2023

Mesyuarat profiling bersama dengan wakil Ahli Parlimen Parit, Encik Zulhafeez dan Encik Raja Muhammad Harith berkenaan dengan lawatan pemetaan isu bagi Parlimen Parit. Tarikh lawatan pemetaan isu telah ditetapkan pada 20 - 22 Januari 2024.



## 15 Januari 2024

Mesyuarat Pengenalan bersama Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah - Parlimen Pasir Salak dan Parit.

Dr Wan Suzita (Penyelidik Utama Parlimen Pasir Salak), Cik Siti Noraiyah Rohim (Penyelidik Utama Parlimen Parit), Karrupiah dan Sharmila telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah Perak Tengah, Tuan Mohd Zaki bin Abdul Rahman, ADO Kg. Gajah Encik Shamsul Ahmad dan 2 pegawai IPD. Perbincangan ini diadakan bagi memperkenalkan APPGM-SDG dan tujuan pihak APPGM-SDG membuat lawatan pemetaan isu di Parlimen Pasir Salak dan Parit.



## 1: Sesi Dialog bersama Penduduk & Peneroka FELCRA

Sesi FGD 1 bersama 9 orang penduduk dan peneroka FELCRA Nasaruddin Belia Berhad. Para penyelidik turut diberi peluang melawat sekitar tempat perumahan penduduk FELCRA. Antara isu yang disuarakan adalah **(1)** harga barang sehari-hari yang tinggi seperti beras **(2)** tiada perparitan di persekitaran rumah mereka **(3)** isu ulat bungkus yang menyerang pokok kelapa sawit **(4)** tidak memperoleh subsidi minyak masak **(5)** lebihan tanah di FELCRA di ambil oleh individu-individu kepentingan politik



## 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

Sesi FGD 2 bersama 9 orang ibu tunggal. Isu-isu yang telah disuarakan adalah mengenai **(1)** kepayahan untuk mendapat bantuan JKM walaupun telah memohon banyak kali dengan alasan borang tak lengkap/tak layak **(2)** harga barang naik melampau **(3)** ketiadaan pendapatan sendiri turut memberikan kesan kepada kehidupan sehari-hari mereka.



### 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga

FGD 3: Sesi FGD bersama orang 5 orang peniaga. Mereka menyuarakan isu-isu berkenaan sistem perparitan yang tidak cekap, MBPT tidak mempromosikan peniaga, sampah tidak dikutip mengikut jadual, atau jadual tidak kerap, peniaga masakan panas diancam oleh peniaga masakan siam, jalan tidak diturap dengan betul dan masalah banjir kilat sekitar Dataran Titi Gantung. Pasukan penyelidik juga berkesempatan membuat lawatan tapak ke ladang jagung di bawah selain Jabatan Pertanian.



### 4: Sesi Dialog bersama Belia

FGD 4: Sesi FGD bersama 12 orang belia yang membincangkan isu-isu mengenai kekurang peluang pekerjaan, kebanyakkan belia berhijrah ke KL dan Ipoh dan kurang fasiliti sukan.



## 5: Sesi Dialog bersama Warga Emas

FGD 5: Sesi FGD bersama 12 orang warga emas di Pondok Pengajian Darul Mubarak. Antara isu yang disuarakan adalah mengenai **(1)** kekurangan sumber pendapatan untuk warga emas **(2)** kekurangan khidmat pengangkutan awam **(3)** ketercapaian (*accessibility*) warga emas untuk kemudahan kesihatan sangat jauh.



## 6: Lawatan Tapak sekitar Pekan Parit

Lawatan Tapak 1 : Sekitar Pekan Parit. Para penyelidik berpeluang melawat kawasan sekitar Pekan Parit seperti Mercu Tanda Pekan Parit, Dataran Medan Selera Parit dan jambatan yang menghubungkan Pekan Parit ke Belanja Kiri.



## 7: Lawatan Tapak ke Dataran Tanjung

Sesi Lawatan 2: Dataran Tanjung. Para penyelidik berpeluang melawat Dataran Tanjung Blanja untuk melihat potensi Dataran Tanjung sebagai pusat kemasyarakatan bagi Parlimen Parit.



## 8: Sesi Dialog bersama Komuniti India

FGD 6: Sesi FGD bersama wakil daripada Komuniti India di DUN Belanja yang mengutarakan isu-isu seperti **(1)** fasiliti/infrakstruktur untuk belia setempat: ketiadaan taman rekreasi/permainan **(2)** tanah wakaf milik masyarakat India sebagai tanah perkuburan digunakan sebagai tempat pertanian oleh individu berkepentingan politik **(3)** peraturan estate yang sangat ketat membawa kepada kesusahan pemilik-pemilik tanah di dalam estate tersebut.



### 9: Lawatan Tapak ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Bota Kanan.

Sesi Lawatan 3: Para penyelidik berpeluang melawat Pusat Konservasi Hidupan Liar Bota Kanan, iaitu pusat konservasi untuk hidupan Tuntung. Spesis ini adalah spesis seperti penyu, namun ia hidup di dalam air tawar. Penerangan telah diberi oleh Encik Khazizul, Pembantu Hidupan Liar. Pusat Konservasi Tuntung ini merupakan usaha berterusan yang dilakukan oleh Perhilitan negeri Perak dalam menangani permasalahan kepupusan tuntung. Selain itu, ia juga merupakan pusat penyelidikan bagi penyelidik dari dalam dan luar negara termasuk pelajar untuk mengkaji spesis tuntung dan habitatnya demi kebaikan generasi masa hadapan.



### 10: Sesi Dialog bersama Golongan B40

FGD 7: Sesi Dialog bersama Golongan B40 yang mana mengutarakan isu-isu seperti kos sara hidup yang tinggi, ketiadaan Dewan Komuniti Kg Parit 3 serta masalah hidupan liar seperti kera yang memberi kesan buruk kepada penduduk seperti pertanian.



## 11: Sesi Lawatan ke Kawasan Banjir

Sesi Lawatan 4 : Kawasan Banjir. Para penyelidik dibawa melihat kawasan banjir di Kg Parit 6 yang mana banjir kerap berlaku disebabkan limpahan air dan sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan kerap.



## 12: Sesi Dialog bersama Penternak dan Petani

Sesi Dialog bersama Golongan penternak dan petani di Kampung Ekor Lambat yang mana mengutarkan isu-isu seperti kos input pertanian dan penternakan meningkat, gangguan hidupan liar yang mengganggu/merosakkan tanaman serta kekurangan modal untuk meneruskan aktiviti pertanian.



### 13: Sesi Dialog bersama Komuniti OKU

Sesi Dialog bersama Pengurus, AJK, Penyelia dan 3 Petugas PPDK Mawaddah, Parit. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** kebimbangan PPDK terhadap status PPDK kepada Pusat Jagaan **(2)** persaingan dalam memasarkan produk pertanian PPDK dan **(3)** infrakstruktur PPDK yang kecil dan sempit.



### 14: Sesi Dialog bersama NGO

Sesi Dialog bersama NGO tempatan dari Parlimen Parit yang mana mengutarakan isu berkenaan **(1)** kekurangan dana untuk membuat program sosial **(2)** isu penyakit haiwan ternakan seperti ayam dan **(3)** modal untuk memulakan perniagaan untuk ibu tunggal sangat sukar.

# **BAHAGIAN B**

---

**LAPORAN PEMETAAN ISU**

**P.069 PARIT (PERAK)**

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Parit ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS).</i></p>																										
<b>Parlimen</b>	P 069																									
<b>Kawasan</b>	Parit																									
<b>Negeri</b>	Perak																									
<b>Jumlah penduduk</b>	60,988 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>58,488</td> <td>95.9</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>915</td> <td>1.5</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>1,463</td> <td>2.4</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>122</td> <td>0.2</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td><td><b>60,988</b></td><td><b>100.00</b></td></tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	58,488	95.9	2.	Cina	915	1.5	3.	India	1,463	2.4	4.	Lain_lain	122	0.2	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>60,988</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	58,488	95.9																							
2.	Cina	915	1.5																							
3.	India	1,463	2.4																							
4.	Lain_lain	122	0.2																							
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>60,988</b>	<b>100.00</b>																							
	<p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan Dun - Parlimen Parit Perak, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</i></p>																									
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertanian – sawah padi, getah dan kelapa saawit dan tanaman lain.</li> <li>• Perkhidmatan – Aktiviti kewangan, insurans, hartanah, perkhidmatan profesional dan kesenian merekodkan aktiviti ekonomi yang paling aktif</li> </ul>																									
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Siti Noraiysah bt Rohim: Ketua Penyelidik</li> <li>2. Zoel Ng: Pengarah Komunikasi Korporat &amp; Akademi MySDG</li> <li>3. Yoogeswaran Kanis: Pembantu Penyelidik</li> <li>4. Nur Fatehah Abd Kadir: Pembantu Penyelidik</li> </ol>																									

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Parit dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah.

TARIKH	PERKARA
<b>20 Februari 2024,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama <b>Penduduk dan Pengusaha FELCRA</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Ibu Tunggal</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Peniaga</b></li></ul>
<b>21 Februari 2024,</b> Selasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama <b>Belia</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Warga Emas</b></li><li>• Lawatan Tapak ke <b>sekitar Pekan Parit</b></li><li>• Lawatan Tapak ke <b>Dataran Tanjung</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Wakil Komuniti India</b></li><li>• Lawatan Tapak ke <b>Pusat Konservasi Hidupan Liar Bota Kanan</b></li></ul>
<b>22 Februari 2024,</b> Rabu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama <b>Golongan B40</b></li><li>• Lawatan Tapak ke <b>Kawasan Banjir</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Penternak dan Petani</b></li><li>• Dialog Bersama <b>Komuniti OKU</b></li><li>• Dialog Bersama <b>NGO</b></li></ul>
<b>25 April 2024,</b> Khamis	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog bersama Agensi Kerajaan</li></ul>

## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<b>ISU SOSIAL</b>			
Konflik generasi kedua FELCRA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peneroka dan penduduk di Felcra Nasaruddin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan Tanah Generasi Kedua oleh KPR Tunas Baru (Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Nasaruddin Berhad) telah ditolak walaupun tanah seluas 7 ekar telah diukur dan pelan topografi disediakan dengan kos RM40,000.</li> <li>Alasan penolakan adalah peserta dianggap tidak mampu membayar dan menguruskan tanah tersebut.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan untuk 300 lot/tapak rumah generasi kedua di Peringkat 4 FELCRA Nasaruddin yang dibuat lebih 10 tahun lalu masih tiada jawapan.</li> <li>Generasi kedua terpaksa berhijrah kerana tanah rizab yang dijanjikan telah diberikan kepada pihak lain.</li> <li>Daripada 10 peringkat di FELCRA Nasaruddin, hanya 4 masih ada, selebihnya diberikan kepada orang luar.</li> </ul>	<p><b>Pegawai Daerah dan Tanah Perak Tengah:</b> Tiada isu berkenaan tanah dan rumah bagi generasi kedua</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Dahulu terdapat 107 peneroka generasi pertama dengan 10 ekar tanah setiap seorang, kini hanya tinggal 80 orang.</li> </ul>	
Keadaan jalan yang tidak sempurna	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat di Felcra Nasaruddin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan untuk mendapatkan jalan raya baru belum berjaya iaitu jalan utama menghubungkan Jalan FELCRA Nasaruddin ke Jalan Seri Iskandar.</li> <li>Isu ini telah dibangkitkan di Parlimen.</li> <li>Permohonan untuk mendapatkan jalan baru disebabkan jalan yang digunakan sekarang adalah jalan ladang.</li> </ul>	<p><b>FELCRA Berhad Nasaruddin Belia:</b> Berkenaan jalan itu adalah benar dan memerlukan tindakan. Boleh dikatakan 60 % daripada pelajar sekolah yang datang daripada Sri Iskandar kebanyakannya menggunakan jalan ladang sebagai jalan alternatif.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat DUN Bota Kanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan jalan di Bota Kanan juga tidak rata, dengan pembaikan hanya secara tampalan yang menyebabkan lubang dan tampalan berbahaya, mengakibatkan kemalangan.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna jalan raya</li> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jalan lama ke Siputeh terlalu kecil dan berbahaya, menimbulkan risiko kepada pengguna.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
Kekurangan fasiliti atau kemudahan awam untuk aktiviti riadah dan kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Belia</li> <li>● Warga Emas</li> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Di Parlimen Parit hanya satu padang bola mini dan tiada gelanggang futsal atau badminton.</li> <li>● Belia terpaksa ke UTP, Seri Iskandar, atau Lumut untuk beriadah, meningkatkan risiko mereka terlibat dalam aktiviti tidak berfaedah.</li> <li>● Warga emas juga tiada kawasan riadah dan PAWE.</li> <li>● Di Kg Tanjung Aur dan Kampung Parit 6, tiada dewan orang ramai, memaksa penduduk memohon menggunakan surau atau wakaf untuk aktiviti komuniti.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Tanah wakaf milik masyarakat India sebagai tanah perkuburan dijadikan kawasan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Komuniti India</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tanah wakaf yang diwartakan sebagai tanah perkuburan di Dun Belanja disalahguna untuk penanaman pokok sawit oleh individu berkepentingan politik, menyebabkan perselisihan selama 10 tahun terutama semasa kematian. (Lokasi: Serapok &amp; Taman Seri Ara)</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
Peraturan estet yang sangat ketat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti India</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan yang ketat menyukarkan penduduk luar estet mengakses hasil tanah mereka dan dikenakan caj masuk sebanyak RM10 setiap kali (Lokasi: Sadang Estate)</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Capaian internet yang lemah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat di DUN Belanja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan kampung di Parlimen Parit berhadapan dengan capaian internet yang lemah.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Cabaran mendapatkan atau memiliki rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pembelian rumah yang tinggi.</li> <li>• Tiada Program Perumahan Rakyat (PPR) tersedia.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Kurangnya info mengenai aktiviti/bantuan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu Tunggal</li> <li>• Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat tentang program kebajikan dan bantuan tidak sampai kepada masyarakat, memaksa mereka mencari informasi sendiri.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Kekurangan aktiviti/program yang melibatkan belia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurangnya aktiviti dan program kerajaan atau NGO yang menarik minat belia, terutama program kesedaran dan hala tuju selepas tamat persekolahan.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gejala vape dan rokok semakin meluas di sekolah</li> </ul>	<b>Pejabat Pelajaran Daerah Perak Tengah (PPD):</b>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
Gejala sosial dalam kalangan pelajar sekolah		<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah Rendah Layang-Layang Kiri mencatat kadar ponteng tertinggi di Perak.</li> </ul>	<p>Isu <i>vape</i> adalah isu terpencil dan tiada sebarang aduan yang sampai ke PPD</p> <p><b>Pejabat Pelajaran Daerah Perak Tengah (PPD):</b> Sepanjang tahun 2023, kehadiran pelajar bermula daripada bulan 1 sehingga 12, data data dari KPM, kehadiran di daerah Perak Tengah adalah 90.7%. Jadi pernyataan berkenaan isu ponteng tinggi adalah tidak benar.</p>
Penyalahgunaan dadah dan ketum	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah penyalahgunaan dadah dan ketum membimbangkan masyarakat Parit, berlaku di banyak kampung sekitar kawasan tersebut.</li> </ul>	<p><b>Agenzi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Perak Tengah:</b> Di negeri Perak, terdapat empat kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi iaitu Bota, Kampung Gajah, Pasir Salak, dan Lambor.</p> <p>Pihak AADK telah berjaya menurunkan status kawasan berisiko tinggi di Bota pada tahun 2022 kepada kawasan berisiko rendah.</p> <p>Tahun 2023, pihak AADK berjaya mengurangkan kawasan yang memenuhi kriteria kampung berisiko. Tahun ini, usaha</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>diteruskan untuk mengekalkan status tersebut.</p> <p>Penyalahgunaan ketum memang ada. Melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah pada bulan lepas (Mac) AADK akan membentuk satu <i>task force</i> untuk mengurangkan isu ini.</p>
Kesukaran mendapatkan bantuan kebaikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Permohonan bantuan kebaikan sering ditolak walaupun dibuat beberapa kali.</li> <li>● Syarat kelayakan bantuan JKM tidak jelas, menyebabkan ramai pemohon seperti suri rumah dan ibu tunggal gagal mendapat bantuan, walaupun tidak bekerja.</li> <li>● Terdapat kes permohonan bantuan untuk anak OKU yang ditolak selepas dua tahun tanpa alasan jelas, walaupun pegawai JKM telah membuat lawatan.</li> </ul>	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Kekurangan kawasan untuk aktiviti pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kekurangan kawasan menghalang petugas dan pelatih PPDK menjalankan projek tanaman, dengan kawasan sedia ada terlalu kecil.</li> </ul>	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
dan penjualan hasil		<ul style="list-style-type: none"> <li>Persaingan dengan Pasaraya SEGI yang menawarkan harga lebih murah menyebabkan penurunan pendapatan hasil pertanian.</li> </ul>	
Kekurangan peruntukan mengehadkan NGO dalam aktiviti kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>NGO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di Parlimen Parit, bantuan katil hospital sangat diperlukan untuk pesakit yang memerlukan tetapi tidak mampu.</li> <li>Sokongan kerajaan negeri terhadap NGO yang menyediakan bantuan makanan kepada rakyat juga semakin berkurang, hampir tiada kotak makanan diagihkan sekarang.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
<b>ISU EKONOMI</b>			
Peluang pekerjaan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Belia di Parlimen Parit menghadapi kekurangan peluang pekerjaan, memaksa mereka berhijrah ke bandar lain seperti Ipoh untuk mencari rezeki.</li> <li>Walaupun terdapat peluang dalam sektor pertanian, minat belia rendah, membuka peluang tersebut kepada pekerja asing.</li> <li>Warga emas juga mengalami kesukaran mencari pekerjaan untuk menyara hidup.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Persaingan dengan warga asing	• Pernak Ikan Sangkar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pernak warga asing di Sg. Perak menjalankan penternakan ikan sangkar lebih awal dan besar daripada penternak tempatan, menyebabkan harga hasil ternakan lebih murah.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> untuk isu peternak warga asing, sebenarnya orang tempatan yang memberi ruang kepada mereka menjalankan ternakan di belakang rumah.</p> <p>jabatan Perikanan turut menjalankan rondaan untuk mengenalpasti siapa yang menjalankan penternakan.</p>
	• Peniaga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komuniti Siam menguasai sekitar 13 kedai makan sepanjang Gelung Pepuyu ke Bota Kiri, tetapi status dokumen mereka diragui dan mereka menutup kedai apabila penguatkuasa datang.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Masalah kekurangan dana untuk kelestarian PPDK	• PPDK	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dana JKM bergantung pada jumlah pelatih, dan status PPDK mungkin diswastakan, memaksa pengurusan mencari dana sendiri.</li> <li>Jika status bertukar, PPDK berisiko ditutup kerana kekurangan dana untuk menampung kos operasi</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Masalah pendapatan, bantuan, dan pemotongan	• Peneroka dan penduduk di	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendapatan berkurangan: Hasil kelapa sawit menurun dari RM1200 (2022) ke</li> </ul>	<p><b>FELCRA Berhad Nasaruddin Belia:</b></p> <p>Felcra tidak pernah membayar dividen RM 600. Kadar biasa adalah antara RM1200 ke</p>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
dalam kalangan peneroka FELCRA	Felcra Nasaruddin	<p>RM600 (2023), sementara kos seperti upah dan racun meningkat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pemotongan membebankan: Peneroka perlu membayar 6.5% daripada hasil kepada FELCRA, termasuk kos baja, walaupun hasilnya kurang baik, menyebabkan kerugian ditanggung sendiri.</li> <li>• Tiada bantuan kebaikan: Pemotongan bulanan oleh Yayasan FELCRA untuk kebaikan peserta dan anak-anak tidak lagi memberi manfaat seperti dahulu, menimbulkan persoalan tentang penggunaan dana tersebut.</li> </ul>	RM2000 dan ia bergantung kepada penghasilan.
Kos input pertanian yang semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengusaha dan penduduk di Felcra Nasaruddin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos baja, upah, dan racun meningkat, contohnya penanaman nanas yang mahal dan memakan masa setahun.</li> <li>• Racun berkualiti sukar didapati dan membebankan petani dengan kos yang tinggi.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Kos pemberian sawit yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengusaha dan penduduk di</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos pemberian pokok sawit mencecah RM50, melebihi kemampuan petani,</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
	Felcra Nasaruddin	dengan tempoh menunggu tiga tahun untuk mengeluarkan hasil, menyebabkan pengusaha sukar memperoleh pendapatan stabil.	
Benih padi yang mahal dan tidak berkualiti	• Petani	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani mengadu harga benih padi swasta yang mahal dan tidak berkualiti.</li> <li>• Harga meningkat sehingga RM55 (pada tahun 2024), namun kualiti masih tidak memuaskan.</li> <li>• Sijil pengesahan kualiti benih diperlukan.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Serangan penyakit merugikan petani penanaman pisang	• Petani	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permintaan pisang sangat tinggi, namun sering diserang penyakit Moko pada tahun kedua.</li> <li>• Walaupun langkah pencegahan diambil, masalah masih berlanjutan, mengancam hasil dan meningkatkan kos.</li> <li>• Petani memohon Jabatan Pertanian lebih proaktif dalam membantu menyelesaikan isu ini.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Pendapatan peniaga yang semakin terjejas	• Peniaga di Dataran Jagung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan pelanggan: Pelanggan yang singgah berkurang, terutama pada hujung minggu, dengan pendapatan harian sekitar RM200 sahaja.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan papan tanda: Tiada papan tanda menyebabkan peniaga kurang dikenali oleh pengguna jalan raya.</li> <li>• Kekurangan promosi dan lokasi yang tidak strategik menyebabkan penurunan jualan. Cadangan termasuk membina pondok rehat dan papan tanda.</li> <li>• Jalan utama dan pembahagi jalan yang curam dan berbahaya menghalang pelanggan untuk berhenti serta meningkatkan risiko kemalangan.</li> </ul>	
Pembangunan ekonomi terhadap ibu tunggal yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal memerlukan modal perniagaan untuk menjalankan aktiviti ekonomi.</li> <li>• Kebanyakan ibu tunggal tidak mempunyai pendapatan yang stabil.</li> <li>• Sumber pendapatan(ibu tunggal, warga emas) hanya daripada pemberian anak-anak setiap bulan.</li> <li>• Walaupun mendapat bantuan JKM, namun tidak cukup untuk menyara keluarga.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Serangan ulat bungkus menjaskankan pendapatan pengusaha ladang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengusaha dan penduduk di Felcra Nasaruddin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ulat bungkus yang dibawa burung merosakkan buah sawit dan menurunkan kualiti hasil, mengambil masa 18 bulan untuk dihapuskan.</li> <li>Penggunaan racun tidak dibenarkan kerana risiko kerosakan dan pemulihian kepala sawit memakan masa 2 hingga 3 tahun</li> <li>Kesaannya pendapatan berkurang dari RM2,000 hingga RM3,000 kepada RM1,000 ke bawah.</li> </ul>	<p><b>FELCRA Berhad Nasaruddin Belia:</b> Felcra membuat pengawalan dan 60% ladang-ladang di Felcra itu dibuat sendiri oleh orang kampung. Kos pengawalan ulat bungkus juga tinggi.</p> <p>Terbaru MPOB memberi peruntukan sebanyak RM900,000 untuk mengawal serangan ulat bungkus ini. Namun, kesan dia sangat minima.</p>
Peningkatan kos sara hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga barang keperluan harian naik secara melampau.</li> <li>Kenaikan harga barang memberi tekanan besar kepada penduduk, dengan pendapatan tidak mencukupi untuk menampung kos.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peniaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkara ini turut memberikan cabaran kepada peniaga kerana kekurangan pusingan modal, memandangkan harga bahan mentah meningkat manakala harga jualan terpaksa dikenalkan.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Ada peniaga yang memulakan perniagaan pada 2015 terpaksa berhenti pada Oktober 2023 kerana tekanan kos.</li> </ul>	
Kos penternakan ikan sangkar yang semakin meningkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penternak ikan sangkar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kos sangkar tinggi: Harga sangkar mencecah RM5000, termasuk sangkar terpakai, menyebabkan penternak sukar untuk menjana keuntungan dan ramai terpaksa mencari pekerjaan lain.</li> <li>Kenaikan harga makanan ikan: Kos makanan ikan meningkat 30% sejak 2022, mengurangkan jumlah pembelian penternak dan menurunkan penggunaan dari 10 tan ke 2 atau 3 tan sebulan.</li> <li>Kenaikan harga benih ikan: Kos benih ikan seperti patin dan tilapia meningkat, contohnya, harga patin dari RM0.07 ke RM0.30, menjadikan penternakan lebih membebankan.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> Pihak Perikanan bersetuju dengan kos pembinaan sangkar yang meningkat dan tinggi.</p> <p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> Pihak Perikanan juga bersetuju dengan kenaikan harga makanan ikan sehingga 50% disebabkan bermulanya perang Nuklear Rusia. Tambahan 90% Malaysia mengambil bahan mentah untuk membuat pallet daripada negara luar</p> <p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> Pihak Perikanan turut memberi bantuan kepada penternak setiap tahun. Sebagai contoh, bantuan <i>palette</i>. Tambahan, pada tahun 2023, Perikanan menyalurkan RM1.1 Juta kepada 2 penternak di kawasan Perak Tengah.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penglibatan belia dalam penternakan ikan sangkar menurun sejak 2023 disebabkan sangkar rosak, harga makanan tinggi, dan benih mahal.</li>   <li>• Kesukaran mengorek sungai dan mengeluarkan sangkar lama menyebabkan industri perikanan terancam dengan hanya mampu bertahan 5 hingga 6 bulan. Aduan telah dibuat tetapi tiada tindakan diambil.</li> </ul>	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p> <p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> Isu ini berlaku di Ekor Lambak dan Perikanan tidak dapat memberi bantuan kerana di bawah bidang kuasa agensi lain.</p> <p><b>Jabatan Pengairan dan Saliran:</b> JPS tidak menjaga kawasan sangkar ikan, walaupun begitu JPS mengatakan Sungai Perak, yang merupakan sungai besar dengan lebar antara 100 hingga 300 meter, tidak boleh dikorek sewenang-wenangnya. Terdapat konsesi khusus yang bertanggungjawab menguruskan pengorekan dan pengambilan pasir. Kos bagi kerja-kerja ini juga besar, dan jabatan memerlukan peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan pasir di kawasan sungai tersebut</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kebimbangan Penternak terhadap penyakit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penternak ikan sangkar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyakit ikan berlaku semasa musim hujan apabila surut berlaku, memberi kesan buruk kepada penternak.</li> <li>Walaupun permintaan ikan tinggi, stok terhad menyebabkan bekalan berkurang, menjelaskan keupayaan penternak untuk memenuhi tempahan.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Perikanan Daerah Perak Tengah:</b> Masalah penyakit ini disebabkan oleh kenaikan paras air. Hal ini juga menyebabkan ikan stress dan mati. Pihak Perikanan meminta penternak mengambil tahu langkah-langkah pencegahan penyakit ikan ini.</p>
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>			
Ketiadaan sistem perparitan yang berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Felcra Nasaruddin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah longkang dan sistem perparitan di FELCRA Nasaruddin menyebabkan banjir kilat kerana longkang hanya dibina di kawasan rumah kakitangan, manakala kawasan peneroka tiada perparitan.</li> </ul>	<p><b>FELCRA Berhad Nasaruddin Belia:</b> Felcra mempunyai dua bajet. Satu bajet adalah bajet dalaman Felcra, yang mempunyai peruntukan yang sedikit dan dikendalikan sepenuhnya oleh Felcra. Jadi untuk membuat longkang bagi seluruh kampung, ia memerlukan peruntukan lain dan kos yang tinggi.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peniaga Dataran Niaga Titi Gantung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di Dataran Niaga Titi Gantung, ketiadaan sistem perparitan menyebabkan air bertakung sehingga paras lutut ketika hujan lebat.</li> </ul>	<p><b>Majlis Daerah Perak Tengah:</b> Sejak tahun 2022, selepas Dataran dibina, sistem perparitan baru telah dibuat dan pihak Majlis tidak menerima sebarang aduan berkenaan banjir lagi.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat di</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Longkang tersumbat di Kampung Telok Bakong tidak diselenggara,</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
	Kampung Teluk Bakong	mengakibatkan air melimpah dan banjir. Aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa tetapi tiada tindakan diambil.	
Pembuangan sampah yang tidak terkawal	• Penduduk setempat	• Walaupun tong sampah besar disediakan di Titi Gantung, penduduk kawasan sekitar masih membuang sampah merata-rata.	<b>Majlis Daerah Perak Tengah:</b> Pada awal tahun 2024, masalah sampah ini berlaku sebab pertukaran konsesi. Namun sekarang, masalah sampah tiada lagi di kawasan parit
Kutipan sampah tidak dilakukan secara kerap dan mengikut jadual	• Penduduk setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sampah pernah tidak dikutip lebih seminggu, memaksa penduduk membuang sampah di luar tong, menyebabkan pencemaran bau dan masalah lalat.</li> <li>• Warga emas yang tinggal di sekitar Klinik Kesihatan Parit mengadu tentang longgokan sampah yang banyak, menimbulkan bau tidak menyenangkan kerana tidak dikutip.</li> <li>• Longgokan sampah di tepi tong di kawasan Parit juga dilaporkan tidak dibersihkan dengan sempurna.</li> </ul>	
Kapasiti tong sampah yang tidak dapat	• Penduduk setempat Kampung	• Di Kampung Pandang Marhom, penduduk mengalami kesukaran untuk membuang sampah kerana mempunyai	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
menampung sampah penduduk	Pandang Marhom	satu tong sampah sahaja walaupun kapasiti penduduk ramai.	
Masalah lalat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga Dataran Jagung Titi Gantung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan gerai di Dataran Jagung Titi Gantung mengalami masalah lalat yang banyak berpunca daripada reban ayam di kawasan sekitar.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Tanah mendap	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat di Kampung Tua, Lambor Kanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Tua menghadapi masalah tanah mendap di tepi sungai. Walaupun permohonan untuk mendapatkan batu penghadang telah dibuat sejak 5-6 tahun lalu, tiada tindakan diambil.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Banjir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Parit 6</li> <li>• Lambor</li> <li>• Kuchai</li> <li>• Kg Parit 4</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat beberapa kawasan banjir di Parlimen Parit seperti di Kg Parit 6, Lambor, Kuchai, Kg Parit 4.</li> <li>• Banjir di Kg Parit 6 berlaku disebabkan oleh air daripada bukit dan sistem perparitan yang tidak dapat menampung air tersebut.</li> <li>• Pada waktu hujan lebat, limpahan air daripada Sungai Perak turut membawa kepada banjir di kawasan tersebut</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pengairan dan Saliran Perak Tengah:</b></p> <p>Kg Parit 6, Kg Parit, Kuchai adalah kawasan utama yang melibatkan Sungai Bakong. Sungai Bakong menerima air daripada sawah padi dan kawasannya adalah rendah dan berhampiran dengan kawasan berbukit, menjadikannya lebih mudah terdedah kepada banjir.</p> <p>Pihak JPS telah merangka pelan mitigasi untuk menguruskan kawasan-kawasan ini.</p>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
			Satu sistem rumah pam telah dibangunkan dan sentiasa berfungsi semasa musim banjir.
Banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peniaga dan petani berasaskan penanaman jagung</li> <li>● Institut Pertanian Titi Gantung</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Hujan lebat menyebabkan ladang jagung di Institut Pertanian Titi Gantung sering banjir, menjelaskan hasil tanaman dan stok peniaga di dataran tersebut.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Gangguan haiwan liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat Kampung Selbok, Parit.</li> <li>● Penduduk Kampung Tanjung Aur</li> <li>● Kawasan sekitar sempadan Titi Gantong, Kg Gelong Pepuyu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Haiwan liar seperti anjing, monyet, babi, mengganggu ketenteraman awam di Parit, merosakkan tong sampah dan tanaman.</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sangkar Ikan Jamil Agrofarm</li> <li>● Kg Ekor Lambat, Parit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memerang sering menyerang ikan dalam sangkar, menjaskan hasil dan pendapatan penternak.</li> </ul>	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: MASALAH SOSIAL DAN KEBAJIKAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peningkatan kos sara hidup</li> <li>2. Konflik tanah untuk generasi kedua</li> <li>3. Kesukaran mendapatkan bantuan kebajikan</li> <li>4. Kesukaran memiliki rumah</li> <li>5. Kurangnya maklumat program kerajaan</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan program lawatan bergerak oleh agensi kerajaan dan NGO untuk menyebarkan maklumat tentang program kebajikan serta bantuan yang tersedia.</li> <li>2. Menyediakan program sokongan kebajikan mikro kepada golongan yang tidak diluluskan oleh JKM.</li> <li>3. Menubuhkan klinik kaunseling dan khidmat nasihat berkaitan permohonan bantuan di pusat-pusat komuniti untuk membantu pemohon memahami syarat dan mengemukakan dokumen yang diperlukan.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> <li>• Penduduk tempatan</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kawasan Layang-layang Kiri</li> <li>• DUN Bota</li> <li>• Felcra Nasaruddin Belia</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
<b>Matlamat 1:</b> Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p>

	<p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> <p><b>Sasaran 1.4:</b> Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro</p>
--	---

## PENGUTAMAAN ISU 2: KEADAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM TIDAK MEMUASKAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Keadaan jalan yang tidak sempurna</li> <li>Sistem perparitan tidak sistematik</li> <li>Kekurangan fasiliti riadah</li> <li>Ketiadaan dewan komuniti</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan kerja-kerja penampalan dan pengurusan jalan raya yang lebih berkualiti di kawasan kritikal.</li> <li>Menyediakan gelanggang futsal dan badminton sementara atau padang mini tambahan di lokasi lapang menggunakan permukaan yang mudah dipasang dan alatan mudah alih.</li> <li>Menjalankan projek pembersihan parit dan longkang serta pembaikan perparitan di kawasan-kawasan banjir kilat</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	Penduduk tempatan
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kg Parit 6</li> <li>DUN Bota</li> <li>DUN Belanja</li> <li>Felcra Nasaruddin Belia</li> </ul>

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
<b>Matlamat 9:</b> Industri, Inovasi dan Prasarana	<p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.</p> <p><b>Sasaran 9.4:</b> Menjelang 2030, menaik taraf industri infrastruktur agar mampan, dengan peningkatan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang bersih dan mesra alam, dengan semua negara mengambil tindakan mengikut keupayaan masing-masing.</p>
<b>Matlamat 11:</b> Bandar dan Komuniti Mampan	<p><b>Sasaran 11.2:</b> Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua.</p> <p><b>Sasaran 11.3:</b> Menjelang 2030, tingkatkan pembandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.</p> <p><b>Sasaran 11.7:</b> Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya.</p>

### PENGUTAMAAN ISU 3: AKTIVITI EKONOMI DAN PELUANG PEKERJAAN YANG TERHAD

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kekurangan peluang pekerjaan</li> <li>2. Pendapatan dan kos input pertanian yang meningkat</li> <li>3. Pendapatan peneroka berkurangan</li> <li>4. Penurunan pendapatan peniaga tempatan</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan program latihan kemahiran jangka pendek dalam bidang yang mudah diceburi seperti asas pertanian moden atau pengurusan perniagaan kecil</li> <li>2. Mewujudkan pasar mingguan di lokasi strategik seperti Dataran Jagung dengan promosi khas untuk menarik pengunjung dan pelanggan.</li> <li>3. Menyediakan bantuan modal pusingan kecil kepada peniaga tempatan melalui geran atau pinjaman tanpa faedah yang disalurkan melalui kerjasama antara kerajaan dan institusi kewangan tempatan.</li> <li>4. Menggalakkan kolaborasi antara petani tempatan dan institusi pertanian untuk menjalankan projek tanaman jangka pendek seperti sayuran atau buah-buahan yang dapat memberi pulangan dalam masa beberapa bulan.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Peniaga</li> <li>• Peserta Felcra Nasaruddin Belia</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• DUN Belanja</li> <li>• Felcra Nasaruddin Belia</li> <li>• Dataran Jagung Titi Gantong Jalan Lumut, Titi Gantung</li> </ul>

#### SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA

<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
<b>Matlamat 1:</b> Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan</p>

	kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional
<b>Matlamat 2:</b> Kelaparan Sifar	<b>Sasaran 2.3:</b> Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang pribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang
<b>Matlamat 8:</b> Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<b>Sasaran 8.2:</b> Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektor yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh  <b>Sasaran 8.5:</b> Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai.  <b>Sasaran 8.6:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan



## APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari**

- 📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor
- ✉️ secretariat@appgm-sdg.com
- 🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>
- 🌐 <https://appgm -sdg.com/>